

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001

September/Oktober 2000

BKT 301/4 - Protozoologi Perubatan dan Veterinar

Masa : [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

....2/-

1. (a) Berikan nama saintifik organisma yang menyebabkan penyakit-penyakit berikut:-

- i. heksamitosis dalam ayam belanda
- ii. giardosis dalam anjing
- iii. trikomonosis dalam lembu
- iv. histomonosis dalam ayam

(4 markah)

(b) Bincang dan bandingkan patogenesis, diagnosis dan kawalan penyakit-penyakit heksamitosis dan histomonosis.

(16 markah)

2. (a) Namakan dua genus koksidia yang terdapat dalam setiap:-

- i. haiwan ruminan
- ii. haiwan karnivor

(4 markah)

(b) Terangkan bagaimana genus-genus tersebut dapat dibezakan semasa diagnosis dilakukan.

(8 markah)

(c) Dengan menggunakan gambarajah, bincangkan kitar hidup satu haiwan koksidia bebiri, dengan penekanan ke atas proses-proses yang berlaku di tiga fasa utama iaitu skizogoni, gamogoni dan sporogoni.

(8 markah)

[BKT 301/4]

3. Bincangkan kepentingan penyakit toksoplasmosis terhadap kesihatan manusia, dengan menyentuh aspek-aspek kitar hidup parasit, patogenesis penyakit, punca jangkitan manusia, serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan jangkitan.

(20 markah)

4. Tuliskan nota pendek mengenai:-

- (a) zoonosis
- (b) makrosista
- (c) perumah paratenik
- (d) indeks limpa
- (e) hemazoin

(20 markah)

5. Bincang dan bandingkan patologi penyakit-penyakit manusia yang berikut:-

- (a) malaria
- (b) amebiasis
- (c) leishmaniasis
- (d) chagas

(20 markah)

...4/-

[BKT 301/4]

6. (a) Namakan dua spesies *Babesia* lembu.

(2 markah)

- (b) Bincangkan epidemiologi dan kawalan penyakit babesiosis dalam lembu dengan menyentuh aspek-aspek (i) efek kawalan sengkunit ke atas insidens babesiosis, (ii) cara-cara bagaimana babesiosis akut boleh berlaku, dan (iii) kepentingan dan masalah vaksinasi dalam kawalan penyakit.

(18 markah)

-oooOooo-